

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YBRS. PROFESOR DR AHMAD TAUFEEK
ABDUL RAHMAN
REKTOR UİTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA
MEN'S HEALTH AWARENESS**

**19 JANUARI 2025 | AHAD | 9.00 PAGI
DEWAN SERBAGUNA
KOLEJ KEDIAMAN ANGSANA**

Terima kasih Pengacara Majlis



**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL
ANBIYAI WAL MURSALIN WA ALA ALIHI
WASOHBHI AJMAIN**

YBrs. Encik Amir Mohd Fadzil Ismail,
Penasihat 2 Nursing Student Association
UiTM Cawangan Selangor

YBrs. Encik Nor Aiman Baharuddin,
Penasihat 2 Bulan Sabit Merah Malaysia
UiTM Cawangan Selangor

YBrs. Encik Muhammad Hamdi Othman
Selaku Penasihat Program

Saudara Mohamad Ridhwan Bin Fadzil,
Selaku Pengarah Program

Staf Residen Kolej Angsana

Tuan-tuan, puan-puan para hadirin, dan seterusnya
mahasiswa mahasiswi yang dikasihi sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan rahmat dan izin-Nya, dapat kita bersama-sama pada hari ini di majlis perasmian **Program Men's Health Awareness.**
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Jawatankuasa Perwakilan Kolej Angsana (JPK) Sesi 2024/2025, Nursing Student

Association (NUSA) dan Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM) atas kejayaan menganjurkan program yang sangat berimpak positif seperti ini.

3. Saya melihat program ini sebagai satu usaha dan inisiatif yang sangat baik dan tepat pada masanya, memandangkan isu kesihatan lelaki semakin mendapat perhatian di seluruh dunia.
4. Saya dimaklumkan, pelbagai aktiviti dijalankan sepanjang program berlangsung selama 2 hari untuk memberikan pendedahan kepada peserta di kalangan pelajar UiTM Kampus Puncak Alam akan kepentingan penjagaan kesihatan lelaki, seperti Testicular Self Examination (TSE), saringan kesihatan mental dan fizikal, pameran kesihatan, dan ceramah kesihatan.
5. Justeru, saya yakin Program Men's Health Awareness ini dapat membuka mata kita semua

tentang pelbagai isu kesihatan yang sering dihadapi oleh kaum lelaki seperti penyakit jantung, kanser prostat, dan masalah kesihatan mental.

6. Selain itu, saya difahamkan peserta juga didedahkan dengan pelbagai ilmu yang bermanfaat bukan sahaja untuk diri sendiri, tetapi juga kepada orang sekeliling seperti teknik pertolongan cemas awal dan teknik bantuan CPR melalui aktiviti yang dijalankan sepanjang program ini.
7. Selain gaya hidup sihat, program ini turut menekankan kepentingan pemeriksaan kesihatan berkala, cara-cara untuk menguruskan tekanan, cara mengenal pasti sendiri masalah kesihatan lelaki dan pelbagai lagi ilmu yang berguna.
8. Saya berharap agar semua yang hadir pada hari ini dapat membawa pulang ilmu dan kesedaran yang dapat diterapkan dalam kehidupan seharian.

9. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini.

Pergi berburu di waktu pagi,
Hutan tenang damai berseri,
Kesihatan dijaga wahai lelaki,
Hidup cergas bahagia abadi.

10. Dengan lafaz suci Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **Program Men's Health Awareness.**

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**